

PSC ditubuhkan bagi semak semula projek Lynas
MalaysiaKini.com
March 20, 2012
By S Pathmawathy

Satu usul dibentangkan di Dewan Rakyat bagi menubuhkan sebuah Jawatankuasa Terpilih Parlimen (PSC) untuk mengkaji kebimbangan orang ramai mengenai isu kesihatan dan keselamatan berhubung pembinaan sebuah loji penapisan nadir bumi di Gebeng, Kuantan.

Loji bernilai RM2.5 bilion milik Lynas Advanced Material Plant dari Australia itu diangka akan beroperasi pada suku ketiga akhir tahun ini.

NONEMenurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Nazri Abdul Aziz,, PSC akan mengkaji piawaian keselamatan projek berkenaan.

Ini adalah kerana pengkritik projek itu, kuathir kemungkinan berlakunya pencemaran radioaktif hasil sisa perupusan bahan nadir bumi itu bukan sahaja terhadap orang ramai tetapi juga kesannya kepada alam sekitar.

Nazri berkata jawatankuasa itu akan dipengerusikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Khaled Nordin dan dianggotai lapan ahli-ahli parlimen lain. Empat daripada mereka adalah ahli parlimen BN, tiga dari Pakatan Rakyat dan satu ahli parlimen Bebas.

Mereka diberi tempoh tiga bulan untuk mengkaji maklum balas orang ramai mengenai projek itu dan mengemukakan cadangan kepada Dewan Rakyat untuk perbincangan.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
Source: <http://www.malaysiakini.com/news/192596>

